



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

200 ASNAF TERIMA SUMBANGAN BARANGAN KEPERLUAN

KUALA SELANGOR, 22 FEBRUARI 2025 – Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) terus memperkukuh komitmennya dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) menerusi Program MyIPO di Hati, yang berlangsung hari ini di Masjid Jamek Sultan Ibrahim, Kuala Selangor. Program ini bertujuan membantu masyarakat setempat dengan menyalurkan bantuan berupa barangan keperluan dan wang tunai kepada 200 orang asnaf, melibatkan sumbangan zakat berjumlah RM30,000.00. Selain itu, sumbangan RM5,000.00 juga turut diberikan bagi baik pulih masjid.

Penyampaian sumbangan ini telah disempurnakan oleh Pengerusi MyIPO, Ts. Dr. Mohd Zuhan Mohd Zain sebagai sebahagian daripada usaha berterusan MyIPO dalam menyantuni golongan kurang berkemampuan. Program ini merupakan penganjuran kedua bagi tahun ini, susulan program pertama yang berlangsung di Masjid Taman Pulau Indah, Johor pada awal bulan lalu.

Selain penyampaian sumbangan, turut diadakan sesi *IP Talk*, di mana pegawai MyIPO berkongsi maklumat berkaitan kepentingan perlindungan harta intelek. Langkah ini diambil bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan usahawan kecil, peniaga tempatan, serta individu kreatif mengenai kepentingan melindungi hak harta intelek mereka.

Turut disediakan ialah *IP Mobile*, perkhidmatan bergerak MyIPO yang membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat berkaitan pendaftaran cap dagangan, hak cipta, paten, petunjuk geografi, serta reka bentuk perindustrian. Inisiatif ini memastikan lebih ramai masyarakat mendapat akses kepada maklumat berkaitan harta intelek sebagai aset bernilai yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) MyIPO, Sheikh Arifin Sheikh Mohd Noor, dan Pengerusi Masjid Jamek Sultan Ibrahim, Kuala Selangor, Muhammad Najwa Mohd Sarif.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media, sila hubungi:

ENCIK AKHTAR BIN SAHARI
Ketua Komunikasi Korporat
T: 012-6725667
E: akhtar@myipo.gov.my

CIK EMELIADIANA BINTI ALAWI
Pengawai Komunikasi Korporat
T: 011-19815143
E: emeliadiana@myipo.gov.my

Perbadanan Harta Intelek Malaysia,
Menara MyIPO, PJ Sentral,
Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52,
46200 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 603 – 7496 8900
Emel : ipmalaysia@myipo.gov.my
Laman web : <http://www.myipo.gov.my>

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)

MyIPO merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertanggungjawab untuk pembangunan dan pentadbiran sistem hak harta intelek (IPR) di Malaysia. MyIPO menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang berkesan untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti.